

05 OCT 2001

Mahathir-Perlembagaan

TAK PERLU PINDA PERLEMBAGAAN UNTUK NEGARA ISLAM

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak perlu meminda perlembagaan untuk menjadikannya negara Islam kerana negara ini sudahpun negara Islam.

"Apabila Umno mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah negara Islam sekarang ini tidak bermakna akan ada apa-apa pindaan perlembagaan untuk menjadikannya sebuah negara Islam kerana negara ini sudahpun negara Islam," katanya.

Beliau berkata Barisan Nasional (BN) telah bersetuju bahawa selama ini rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang bangsa dan agama tinggal di negara ini dengan perlembagaan yang sedia ada, dan mereka tidak mempunyai masalah.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat dewan tertinggi BN di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Katanya, semua parti komponen BN berasa selesa dan mereka tidak ada masalah dengan Malaysia sebagai negara Islam seperti yang diisytiharkan oleh Umno.

Dr Mahathir ketika merasmikan persidangan perwakilan ke-30 Parti Gerakan pada 29 Sept lepas, menyahut cabaran Presiden Pas Datuk Fadzil Noor dengan mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Dr Mahathir juga memberitahu pemberita hari ini bahawa parti komponen BN turut melahirkan kekhuatiran mereka dengan negara Islam ala-Pas kerana parti itu tidak menerangkan apa sebenarnya negara Islam yang dimaksudkannya.

Katanya, parti-parti komponen BN (MCA dan Gerakan) juga telah menyoal DAP kenapa ia tidak menolak negara Islam yang diisytiharkan oleh Umno.

Mereka berpendapat DAP harus menerangkan apa yang hendak dibuat kepada Malaysia supaya keadaan negara lebih baik daripada sekarang ini, katanya.

"Ini kerana mereka (DAP) berada di dalam negara ini tanpa masalah selama 44 tahun ini... dan apa dianya pindaan yang dia hendak sedangkan keadaan sekarang ini diterima oleh DAP juga," katanya.

Beliau berkata jika DAP ada cadangan apa yang perlu dibuat kepada perlembagaan, mereka boleh beri penerangan mengenainya.

Apabila ditanya mengenai kenyataan Fadzil bahawa Pas tetap mahukan Umno mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam di Parlimen dan perkara itu dibahaskan, beliau berkata tidak ada keperluan untuk itu.

Dr Mahathir berkata Umno tidak mahu berdebat dengan Pas kerana tahu awal-awal lagi tujuan Pas hanya untuk menunjukkan bahawa mereka tidak bersetuju sahaja.

"Apapun yang kita (BN dan Umno) buat dia tak bersetuju... Dia tidak pernah bersetuju dengan apa-apapun... Benda yang baik yang kita buat pun dia tidak bersetuju," katanya.

Beliau berkata Pas hanya mahukan keuntungan politik dan bukannya mahu mencari penyelesaian tentang isu negara Islam.

Dr Mahathir berkata seluruh rakyat Malaysia tahu apa yang dinyatakan (mengenai negara Islam) dan itu adalah rasmi bagi mereka.

Beliau berkata mesyuarat itu turut membincangkan mengenai soal kumpulan militan dan penganas, dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah menerangkan apa yang sebenarnya berlaku.

"Ahli (parti komponen BN) berpuas hati dengan cara kerajaan menangani perkara ini dan mereka juga menyokong tindakan menahan mereka yang terlibat

mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)," katanya.

Dr Mahathir berkata parti komponen BN juga menyokong pendirian kerajaan mengenai keganasan antarabangsa bahawa sementara ia menyokong tindakan memburu pengganas, Malaysia tidak bersetuju dengan tindakan melancarkan perang terhadap mana-mana negara.

"Kita hendak supaya masalah pengganas dikenal pasti dan tindakan diambil untuk menyelesaikannya. Kita mahu supaya satu mesyuarat antarabangsa diadakan berkenaan pengganas," katanya.

Beliau berkata sebaik-baiknya mesyuarat itu diadakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan sekiranya tidak semua negara boleh hadir, ia mesti dihadiri oleh negara-negara yang banyak terlibat dengan masalah itu bagi menentukan apa itu pengganas dan tindakan yang perlu diambil.

Katanya, mesyuarat menteri luar negara-negara Islam yang akan diadakan di Qatar pada 10 Okt depan akan menyentuh perkara itu.

Mengenai perkara yang akan dibincangkan pada pertemuan beliau dengan Presiden Amerika, George W.Bush semasa Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 20 hingga 21 Okt di Shanghai, China, Dr Mahathir berkata beliau akan menyatakan pendirian Malaysia mengenai soal pengganas.

"Kalau kita jumpa kita akan bercakap soal pengganas. Apa yang dia kata dan apa yang nak dikata, belum kita dapat tahu," katanya.

Mesyuarat dewan tertinggi BN hari ini juga mengucapkan tahniah kepada BN Sarawak kerana mencapai kejayaan gemilang dengan memenangi 60 daripada 62 kerusi pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri Sarawak 27 Sept lepas.

-- BERNAMA
SHS MUN NMO